

22/04/1998

Motoria catat jualan tertinggi

EON Motoria Sdn Bhd (Motoria) anak syarikat Edaran Otomobil Nasional Bhd (EON) yang mengedarkan kereta terpakai Proton merekodkan jualan 468 unit melalui `Eon Motor Ria's Auto Fair' yang diadakan secara terbuka dan besar-besaran di seluruh negara sejak Mac lalu.

Pengarah Urusan EON, Datuk Adzmi Abdul Wahab, berkata jumlah berkenaan meningkat berbanding jualan 364 unit tahun lalu yang diadakan di bilik pamerannya.

Menurutnya, melalui pameran yang diadakan di Ipoh, kelmarin, EON menjual 48 unit kereta nasional dengan 21,400 pengunjung dicatatkan.

"Jumlah itu dianggap paling tinggi jualannya jika dibanding pameran di Jalan Ampang, Kuala Lumpur, Subang Jaya dan Shah Alam," katanya pada majlis cabutan bertuah EON Motor Ria's Auto Fair di Stadium Indera Mulia, Ipoh.

Adzmi berkata, setakat ini orang ramai lebih memberi tumpuan terhadap pembelian kereta Proton Saga dan Iswara kerana harganya yang secara relatifnya lebih murah.

Sehubungan itu, Motoria bercadang memperluaskan pamerannya ke seluruh negara tidak lama lagi selaras dengan saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, baru-baru ini.

(END)